



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya.**
Tel. : **03-8870 0015**
Faks : **03-8888 9528**
E-mel : **komunikasi@sprm.gov.my**
Web : **www.sprm.gov.my**
Twitter : **twitter.com/SPRMMalaysia**
Facebook: **facebook.com/sprm.benci.rasuah**
Blog : **www.ourdifferentview.com**
Youtube : **www.youtube.com/odvmaacc**

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LIMA TOKOH TERIMA WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA ADUAN SPRM

KETUA Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdull telah menyampaikan watikah pelantikan kepada lima tokoh pelbagai bidang sebagai Ahli Jawatankuasa Aduan yang baharu berkuatkuasa selama tiga tahun bermula 3 Oktober 2018 hingga 3 Oktober 2021, hari ini.

Tokoh-tokoh tersebut terdiri daripada bekas Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Dato' Ahmad Said; bekas Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Muhammad Hatta Ab. Aziz dan bekas Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia SPRM, Rohani Kadir yang dilantik semula selepas tamat tempoh keahlian sebelum ini.

Manakala dua lagi tokoh baharu dilantik ialah bekas Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Dr. Tan Weng Wah dan bekas Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Asariah Mior Shaharuddin.

Pelantikan Jawatankuasa Aduan adalah selari dengan perundangan mengikut Seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang fungsinya untuk memantau pengendalian SPRM tentang aduan salah laku pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah.

SPRM satu-satunya agensi penguatkuasaan di Malaysia mempunyai badan bebas yang bertindak sebagai mekanisme *check and balance*.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PUTRAJAYA**

28 NOVEMBER 2018

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecukupan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketulusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"